

Kempen kitar semula MPSJ, F&N terus catat kejayaan

BH ONLINE | Selasa, 8 Oktober 2019 | 6:13pm



Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Mohd Zulkurnain Che Ali (baju kod hitam) bergambar bersama pemenang kategori Sekolah Rendah dan Menengah pada majlis penyampaian hadiah khas kitar semula F&N- MPSJ di Majlis Perbandaran Subang Jaya. - NSTP/Amirudin Sahib

SUBANG JAYA: Sebanyak 78,546.71 kilogram sisa buangan kitar semula dikumpul menerusi Kempen Kitar Semula F&N dan MPSJ 2019 berakhir Ogos lalu, yang diadakan di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Menerusi program anjuran MPSJ bersama Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) dan Tetra Pak (M) Sdn Bhd, sebanyak 47 sekolah dalam kawasan pentadbiran pihak berkuasa tempatan itu mengambil bahagian sejak 1 Mac lalu.

Tahun lalu, pihak berkenaan mengadakan kempen yang sama, dengan disertai 29 sekolah. Sebanyak 18,328.12 kilogram bahan kitar semula berjaya dikumpul.

Ia sebahagian daripada usaha MPSJ untuk menjadi sebuah perbandaran yang lebih mampan, selain membina masa depan bandar tanpa sisa buangan.

Berucap pada majlis penyampaian hadiah kempen itu di sini, hari ini, Yang Dipertua MPSJ, Noraini Roslan, berkata kempen membabitkan kerjasama sektor awam dan swasta itu bertujuan untuk mendidik murid sekolah mengenai cara yang betul mengitar semula bahan buangan.

Kempen itu berdasarkan falsafah 5R iaitu kurangkan (reduce), guna semula (reuse), kitar semula (recycle), fikir semula (rethink) dan cipta semula (reinvent).

"Kempen ini bagi meningkatkan kesedaran sivik pelajar untuk mengubah budaya dalam menguruskan sisa buangan pepejal," katanya.

Hadir sama, Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Mohd Zulkurnain Che Ali; Pengurus Hal Ehwal Korporat F&N, Cariessa Goh dan Pengurus Pemasaran Tetra Pak Malaysia, Sharon Ong.